

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASMIAN PELANCARAN PUSPANITA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
DI DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN PERTAHANAN
JALAN PADANG TEMBAK
PADA HARI JUMAAT, 25HB. NOVEMBER, 1983
PUKUL 9.00 PAGI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur Alhamdullillah, dengan limpah rahmat dan hidayat Allah Subhanahu Wataala, dan dengan persefahaman dan muafakat, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk menubuhkan satu pertubuhan yang kita nanti-nantikan. Persatuan Suri dan Pegawai-Pegawai Wanita Perkhidmatan Awam ataupun PUSPANITA, yang melibatkan tenaga isteri pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Kementerian ini, adalah ditubuhkan dengan hasrat ianya akan melibatkan berbagai golongan dari berbagai kaum dengan harapan mereka akan dapat beramah-tamah dan menyertai berbagai aktiviti yang boleh menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka.

2. Kementerian Pertahanan telahpun terkemuka dalam pergerakan wanitanya melalui Badan Amal Kebajikan Ahli-Ahli Tenteranya (BAKAT) yang terdiri daripada isteri-isteri anggota tentera dari semua lapisan. Pertubuhan PUSPANITA Kementerian Pertahanan bolehlah dianggap sebagai tambahan yang melengkapkan pergerakan wanita yang bukan ahli BAKAT.

3. Seperti yang tersebut di dalam sebaris dari senikata lagu PUSPANITA, 'bunga padi tanda keteguhan', saya ingin berseru kepada semua ahli-ahli PUSPANITA Kementerian Pertahanan untuk mengutamakan 'team spirit' ataupun semangat

pasukan. Kita perlu ingat bahawa sesuatu pertubuhan tidak akan mencapai matlamat sekiranya ahli-ahlinya tidak bersatu dan tidak sama-sama menggembling tenaga demi mencapai kejayaan yang dicitakan bersama. Persatuan diadakan supaya kita dapat dengan lebih mudah lagi mengeratkan silaturahim di samping dapat bertukar-tukar pandangan serta menunjuk ajar antara satu sama lain.

4. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Sri Datin Hajjah Rokiah dan seluruh ahli-ahli jawatankuasa Hari Pelancaran PUSPANITA Kementerian Pertahanan ini yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan sebuah persatuan yang akan dapat dicontohi oleh badan-badan wanita yang lain di negara ini di raasa hadapan. Walaupun pada saat-saat permulaan persatuan ini hanya akan bergerak dengan perlahan, tetapi saya yakin, Insya-Allah, di masa hadapan ianya akan bergerak dengan lebih lancar. Kita perlu ingat bahawa seorang bayi perlu merangkak dahulu sebelum ianya dapat berjalan dan seterusnya berlari. Yang perlu ialah usaha yang gigih supaya dapat menghasilkan sebuah persatuan yang bakal disegani orang. Kita perlu percaya kepada peribahasa kita: Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

5. Wanita di zaman ini tidak lagi seharusnya duduk berdiam diri tanpa memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Negara berkehendakkan rakyat yang sihat - bukan sahaja dari segi fizikalnya tetapi juga dari segi mental dan rohaninya. Pada asasnya, wanitalah yang boleh berperanan besar untuk menjayakan hakikat ini. Sebagai suri rumah, sebagai ibu, mahupun sebagai seorang anak di dalam sesebuah keluarga, wanita mempunyai peranan yang istimewa. Kitalah pendidik dan kita perlu menunjukkan contoh-contoh yang baik kepada semua ahli keluarga kita. Apabila kita sedar akan kewajipan kita, maka akan lahirlah rakyat yang sihat dan bertanggungjawab. Apabila semua itu terjadi, negara tidak

lagi perlu bimbang akan ancaman-ancaman yang boleh merosak dan menghancurkan negara kita yang tercinta ini.

6. Saya ingin menyeru kepada semua ahli PUSPANITA Kementerian Pertahanan untuk sama-sama merancang aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk dijalankan bersama demi mencapai matlamat persatuan. Adakanlah aktiviti yang boleh melibatkan setiap ahli dan yang akan memberikan manfaat bersama - umpamanya sesuatu yang akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan, ataupun untuk bertukar-tukar pengetahuan yang telah sedia ada. Saya berharap PUSPANITA juga berusaha untuk mendekati Iain-lain persatuan-persatuan wanita, umpamanya BAKAT di Kementerian Pertahanan, supaya dapat menggembling tenaga yang lebih lagi, dan untuk mengadakan projek-projek yang boleh menghasilkan keuntungan bersama. Aktiviti yang bakal diusahakan nanti haruslah akan dapat mengisi masa lapang puan-puan yang dahulunya terbiar begitu sahaja, ataupun telah digunakan dengan cara yang tidak mendatangkan faedah.

7. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Sri Datin Hajjah Rokiah dan semua ahli jawatankuasa yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pelancaran PUSPANITA Kementerian Pertahanan ini. Dengan ucapan "Bismillah-hirahman-nirrahim", saya dengan segala sukacitanya melancarkan PUSPANITA Kementerian Pertahanan ini dengan rasminya.

Selamat maju jaya.

Wabillahi Taufik, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.